



Oleh : Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah

MAJLIS ANUGERAH SUKAN KUKUM '03

Buat julung kalinya Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia telah mengadakan Majlis Anugerah Sukan 2003 bertempat di Hotel Putra Palace, Kangar pada 20 Februari 2004. Majlis ini dirasmikan oleh Pengarah MSN Perlis iaitu En. Mustafa Ibrahim dan turut hadir Rektor KUKUM, Lt. Kol. Prof. Dr. Kamarudin Hussin dan isteri, Dekan HEP dan Pegawai-pegawai Utama universiti, Dekan-dekan dan ketua -ketua jabatan serta para peserta yang terdiri daripada siswa dan siswi KUKUM. Majlis ini bertujuan untuk memberi penghargaan kepada semua pelajar yang telah memberi sumbangan serta komitmen yang tinggi dalam menaikkan nama KUKUM antara IPTA khususnya. Pengarah MSN Perlis berasa cukup bangga dan mengucapkan tahniah kepada universiti yang dapat menganjurkan majlis ini yang diakuinya lain daripada yang lain kerana majlis ini digabungkan dengan persembahan kebudayaan. Majlis seperti ini belum pernah dibuat di negeri Perlis. Antara nama-nama yang berjaya menerima anugerah pada majlis tersebut ialah:

1. Tokoh Kepimpinan Sukan - Lt. Kol. Prof. Dr. Kamarudin Hussin
2. Bintang Harapan Lelaki - Mohd Shafiqzikrul Juhari
3. Bintang Harapan Wanita - Junicia Alicia Rut
4. Individu Terbaik Keseluruhan - Muhammad Sani Mustafa
5. Pasukan Terbaik Lelaki - Pasukan Bola Sepak
6. Pasukan Wanita Terbaik - Pasukan Bola Tampar
7. Pasukan Terbaik Keseluruhan - Pasukan Bolasepak

